

20/01/2005

RINGGIT-TAMBATAN

SEMAKAN TAMBATAN AKAN AMBIL KIRA PRESTASI RINGGIT BERBANDING MATA WANG LAIN

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Sebarang semakan terhadap tambatan ringgit berbanding dolar Amerika akan mengambil kira prestasinya terhadap sekumpulan mata wang lain dan bukan hanya berdasarkan satu mata wang, kata Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz hari ini.

Beliau mengulangi bahawa Malaysia tidak akan menimbangankan prestasi ringgit berbanding dengan hanya satu mata wang sahaja apabila melihat kemungkinan semakan tambatan ringgit.

"Kita tidak hanya melihat kepada satu mata wang. Kita melihat kepada banyak mata wang dan kestabilan kadar tukaran kita berbanding rakan dagang utama kita," kata beliau.

"Itu akan mengatasi objektif dasar kadar tukaran kita," kata beliau semasa diminta mengulas mengenai komen bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang tambatan perlu disemak semula.

Ringgit ditambat pada RM3.80 berbanding dolar Amerika. -- BERNAMA
MSL TNS MR NHD